

# "Yang penting semua selamat"

**Tindakan pantas warden selamatkan guru, pelajar daripada kebakaran**

NORMAWATI ADNAN & NOOR AINON MOHAMED YUSOF

IPOH

"**B**ila nampak api, dalam fikiran saya cuma nak semua selamat, sebab itu sayakejut semua guru serta pelajar berkumpul di tempat selamat," kata seorang warden, Ahmad Amin Yahya, 20.

Tindakan pantas dilakukan belia itu, berjaya menyelamatkan 25 penghuni bangunan termasuk 19 pelajar asrama apabila satu daripada blok bangunan milik Akademi Ikatan Muslimin Ipoh, terbakar lewat petang kelmarin.

Ahmad Amin berkata, kejadian disedari sekitar jam 7.15 malam ketika dia menutup pintu pagar utama.

Katanya, ketika itu seorang penunggang motosikal yang kebetulan lalu di hadapan bangunan akademi menjerit api sambil menunjuk ke arah bangunan.

"Saya berpaling dan nampak api telah marak, asap hitam keluar dari bumbung dan tingkap bilik."

"Tanpa fikir apa-apa saya jerit arahan semua guru dan pelajar berkumpul di tempat selamat sebelum menghubungi bomba," katanya ketika ditemui, semalam.

**Kebakaran melibatkan bilik stor di tingkat satu**



Api mula marak di bahagian bilik stor. Kebakaran disedari oleh seorang penunggang motosikal yang kebetulan melalui kawasan itu.



Mohd Subri melakukan pemeriksaan dalam bilik kejadian selepas api berjaya dipadamkan sepenuhnya.



AHMAD AMIN

Kebakaran berkenaan melibatkan bilik stor yang terletak di tingkat satu bangunan menyimpan tilam, almari dan beberapa barangan milik asrama.

Bangunan yang beroperasi sejak 2012 itu menempatkan asrama perempuan bagi pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan bangunan pentadbiran.

Ahmad Amin berkata, kebakaran itu berlaku bersebelahan dengan ruang rehatnya yang mana dua rakannya ketika itu berada di bilik terbabit.

"Saya bersyukur apabila dua-rakan saya sempat menyelamatkan diri dan membantu saya memastikan semua pelajar dari asrama perempuan selamat."

"Saya juga lega apabila tindakan pantas bomba berjaya mengawal



Sayani (kanan) meninjau persekitaran lokasi kejadian sejurus operasi pemadaman kebakaran selesai sepenuhnya.

api dari merebak. Sedikit pun barang-barang saya tidak terjejas meskipun hanya bersebelahan," katanya.

**Hanya libatkan 20 peratus keluasan bangunan**

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh, Mohd Subri Hussin berkata, pemeriksaan awal

mendapati, kerosakan hanya membabitkan 20 peratus daripada keluasan sebenar bangunan.

"Sebaik tiba di lokasi, kebakaran masih di peringkat awal dan tiada mangsa berada berhampiran, tindakan pantas anggota berjaya mengawal api daripada merebak. Semua penghuni selamat tanpa sebarang kecederaan," katanya.

Mohd Subri berkata, pengurusan sekolah telah diminta untuk mengosongkan bangunan untuk siasatan dilakukan bagi mengenal pasti punca kejadian.

"Ini prosedur biasa yang mana bila berlaku kejadian seperti ini, kita akan ambil alih sehinggalah siasatan selesai. Ini bagi memastikan bangunan ini benar-benar selamat untuk diduduki semula," katanya.

**Bangunan telah jalani pemeriksaan tahun lalu**

Dalam pada itu, Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak,

**info** Latihan kebakaran yang diadakan bersama JBPM Perak sebelum ini membantu guru dan pelajar berdepan situasi cemas

Sayani Saidon berkata, bangunan berkenaan telah menjalani pemeriksaan menghapus bahaya kebakaran, tahun lalu.

Katanya, teguran dalam beberapa aspek antaranya penggunaan tingkap jenis nako berjeriji serta akses jalan keluar yang terhalang telah pun diambil perhatian oleh pengurusan sekolah.

"Mereka telahpun melakukan penambahbaikan terhadap bangunan hasil daripada teguran dibuat, malah kita juga telah mengadakan sesi ceramah dan latihan kebakaran."

"Dengan ilmu yang ada pada pelajar dan kakitangan, sedikit sebanyak membantu mereka berdepan bahaya dan mencegah kejadian lebih buruk berlaku," katanya.

Sementara itu, wakil pengurusan akademi, Zolkifli Ismail berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan bersama pengurusan untuk mendapatkan penempatan sementara bagi pelajar terlibat.

"Kita akan fikirkan secara bersama agar sesi pembelajaran mereka tidak terganggu dengan kejadian ini," katanya.

Pihaknya bersyukur kerana latihan kebakaran yang diadakan bersama JBPM Perak sebelum ini membantu guru dan pelajar berdepan situasi cemas seperti itu.

"Dalam taklimat itu mereka ada sertakan nombor bakul bomba terdekat untuk dihubungi, itu menjadikan tindakan keselamatan dapat diambil dengan cepat," katanya.



Bilik yang terbakar di bahagian atas bangunan atas pentadbiran akademi berkenaan merupakan bilik stor yang menempatkan perkakas.